

Reaksi ucapan PM bukti Yahudi kuasai dunia

UM 22 OCT 2003

BANGKOK 21 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, berdasarkan reaksi dunia terhadap ucapannya pada Sidang Kemuncak OIC, memang benarlah orang-orang Yahudi menguasai dunia.

“Negara-negara Eropah dan Amerika dan lain-lain mengutuk saya, pada masa yang sama salah seorang (daripada mereka) menuduh semua orang Islam adalah pengganas.

“(Perdana Menteri Itali Sylvio) Berlusconi sendiri membuat kenyataan bahawa orang Islam adalah pengganas. Adakah Kesatuan Eropah meluluskan resolusi mengatakan bahawa itu adalah menentang orang Islam?

“Mengapa semasa orang menghina Islam, Kesatuan Eropah tidak berkata apa-apa? Israel adalah sebuah negara kecil. Tidak banyak Yahudi di dunia. Tetapi mereka sungguh angkuh dan menentang seluruh dunia.

“Walaupun jika Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) berkata tidak, mereka akan teruskan. Mengapa? Kerana mereka dilindungi semua orang itu,” katanya dalam wawancara dengan akhbar *Bangkok Post* yang disiarkan semuka penuh hari ini.

■ Lihat muka 4

Reaksi ucapan PM bukti Yahudi kuasai dunia

UM 22 OCT 2003

Dr. Mahathir yang akan bersara 11 hari lagi mendapat kecaman hebat daripada media Amerika Syarikat; dan sehingga pagi ini rangkaian berita kabel *CNN* masih memberikan reaksi menghentam pemimpin Malaysia itu yang dikatakan seorang anti-Yahudi.

Dalam wawancara itu, Dr. Mahathir menjelaskan apa yang sebenarnya terkandung dalam ucapan ialah menggesa orang Israel dan orang Arab berhenti bunuh membunuh dan duduk berfikir sejenak.

“Malah saya petik ayat al-Quran apabila datang musuh kamu untuk berdamai, terimalah mereka. Saya memberitahu orang Islam kita harus menerima (perdamaian) walaupun syarat-syaratnya tidak bagus, kita harus berunding.

“Inilah ajaran sebenar Islam. Ini semua dalam ucapan saya. Tetapi mereka melihat hanya satu perenggan dan menuduh saya anti-Yahudi,” katanya.

Menurut Dr. Mahathir lagi, beliau bukan bermusuhan dengan orang Yahudi, malah mempunyai ramai kawan Yahudi.

“Saya juga mengundang pasukan kriket Israel bermain di Malaysia, sejumlah kanak-kanak sekolah dari Israel dijemput melawat Malaysia supaya mereka boleh bertemu kanak-kanak sekolah orang Islam dan Cina di Malaysia, jadi mereka boleh lihat bagaimana kami bergaul,” katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau berniat mahu melihat supaya pembunuhan di antara orang Palestin dan Yahudi dihentikan.

“Tetapi perkara itu tidak disiarkan,” katanya merujuk kepada agensi berita Barat yang menghebahkan isu kontroversi itu ke seluruh dunia.

Mengenai Amerika, menurut Dr. Mahathir, beliau pernah menghormati AS.

“Merekalah yang menyelamatkan kita daripada penjajahan Jepun dan pada satu ketika mereka sungguh mengambil berat terhadap kebajikan semua pihak. Mereka memberi bantuan merata tempat.

“Mereka menghantar anggota-anggota sukarelawan Peace Corps. Tetapi hari ini, sungguh sedih sekali melihat kedutaan-kedutaan mereka di seluruh dunia terpaksa dikawal,” katanya. —
Utusan